



**Liberty**  
**Insurance®**

# Insurans Pampasan Pekerja Terma & Syarat

---

**Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)**

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

**Tel:** +603 2268 3333 **Laman Sesawang:** [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)  
(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

# POLISI INSURANS PAMPASAN PEKERJA

**BAHAWASANYA** Pengambil Insurans yang menjalankan Perniagaan yang diterangkan dalam Jadual dan tidak yang lain untuk tujuan insurans ini melalui cadangan atau pengisytiharan hendaklah berdasarkan kontrak ini dan dianggap bergabung di sini telah memohon kepada **LIBERTY GENERAL INSURANCE BERHAD** (kemudian daripada ini disebut Syarikat) bagi insurans termuat kemudian daripada ini dan telah membayar atau bersetuju membayar Premium sebagai persetujuan bagi insurans sedemikian.

MAKA DENGAN INI POLISI INI MENYAKSIKAN bahawa jika pada bila-bila masa dalam tempoh insurans mana-mana pekerja dalam khidmat langsung Pengambil Insurans mengalami kecederaan diri melalui kemalangan atau penyakit yang disebabkan dan dalam tempoh penggajiannya oleh Pengambil Insurans dalam Perniagaan dan jika Pengambil Insurans bertanggungjawab untuk membayar pampasan bagi kecederaan sedemikian di bawah Undang-undang yang ditetapkan dalam Jadual atau Common Law kemudiannya tertakluk pada terma kekecualian dan syarat yang terkandung dalamnya atau disahkan kemudiannya Syarikat akan mengganti rugi Pengambil Insurans akan semua jumlah yang menjadi tanggungjawab Pengambil Insurans dan akan selainnya bertanggungjawab bagi semua kos dan perbelanjaan yang dibuat dengan kebenarannya dalam mempertahankan sebarang tuntutan bagi pampasan sedemikian.

**DENGAN SENTIASA MENJADI SYARAT** bahawa jika terdapat apa-apa perubahan dalam Undang-undang atau penggantian undang-undang lain dengan ini Polisi ini hendaklah kekal berkuat kuasa tetapi liabiliti Syarikat terhad pada jumlah sedemikian yang menjadi tanggungjawab Syarikat untuk membayar jika Undang-undang kekal tidak diubah.

## UNDANG-UNDANG: SEPERTI YANG DIPINDA HINGGA KE TARIKH BERMULANYA POLISI INI

Pampasan Pekerja 1 (Ordinan 1952) (Semenanjung Tanah Melayu)

Ordinan Pampasan Pekerja (PINDAAN) 1956 (Semenanjung Tanah Melayu)

Ordinan Pampasan Pekerja 1956 (Jajahan Sarawak)

Ordinan Pampasan Pekerja 1955 (Jajahan Borneo Utara)

Ordinan Pampasan Pekerja (Pindaan) 1967 (Jajahan Borneo Utara)

Enakmen Pampasan Pekerja 1957 (Negara Brunei)

Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1976

Pengubahsuaian Undang-undang (Pampasan Pekerja)

Perintah (Lanjutan dan Pengubahsuaian) 1981

Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1996

Perintah Pampasan Pekerja (Skim Pampasan Pekerja Asing (Insurans) 1998) dan mana-mana pindaan berikutnya kepada Akta dan Enakmen tersebut yang berkuat kuasa sebelum tarikh pengeluaran Polisi.

## KEKECUALIAN

Syarikat tidak bertanggungjawab di bawah Polisi berkaitan

(a) Apa-apa kehilangan, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam bentuk apa pun secara langsung atau tidak secara langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berkaitan dengan mana-mana daripada yang berikut tanpa mengira apa-apa sebab atau kejadian lain yang secara serentak menyumbang atau dalam mana-mana turutan lain terhadap kehilangan:

Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, keganasan, atau kegiatan seakan peperangan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara. Perampasan tetap atau sementara yang disebabkan oleh rampasan, penyitaan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dari segi undang-undang. Perampasan kuasa, kekecohan awam mengambil alih bahagian atau menjadi pemberontakan popular, pemberontakan tentera, pemberontakan, penentangan, revolusi, tentera, atau kuasa rampasan, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana kejadian atau sebab yang menentukan perisytiharan atau penyelenggaraan undang-undang tentera atau keadaan kepungan.

Kehilangan, kerosakan, kos atau perbelanjaan apa pun bentuknya yang secara langsung atau tidak secara langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berhubung dengan mana-mana tindakan yang diambil dalam mengawal, mencegah, menekan atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan di atas juga dikecualikan.

Jika Syarikat mengatakan bahawa dengan alasan kekecualian ini, apa-apa kehilangan, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban untuk membuktikan sebaliknya terletak pada Pengambil Insurans. Jika mana-mana bahagian kekecualian ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, selebihnya kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

(b) Liabiliti Pengambil Insurans kepada pekerja kontraktor kepada Pengambil Insurans

(c) Mana-mana pekerja yang bukan "pekerja" dalam maksud Undang-undang.

(d) Mana-mana liabiliti Pengambil Insurans yang terkepil disebabkan oleh perjanjian tetapi tidak akan dikepilkan kerana ketiadaan perjanjian sedemikian.

(e) Mana-mana jumlah yang berhak diperoleh semula oleh Pengambil Insurans daripada mana-mana pihak hanya untuk perjanjian antara Pengambil Insurans dan pihak sedemikian semata-mata.

(f) Mana-mana liabiliti dalam bentuk apa pun secara langsung atau tidak secara langsung disebabkan oleh atau menjadi sebab atau timbul daripada:

- bahan senjata nuklear
- Radiasi atau pencemaran ion oleh radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear dan bagi tujuan kekecualian ini pembakaran hendaklah termasuk mana-mana proses pembelahan nuklear mampu diri.

## SYARAT

1. Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau ungkapan yang membawa makna tertentu dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual ini hendaklah membawa maksud sedemikian di mana-mana pun ia muncul.
2. Setiap notis atau komunikasi yang diberi atau dibuat di bawah Polisi ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Syarikat.
3. Pengambil Insurans hendaklah mengambil langkah beringat yang munasabah untuk mencegah kemalangan dan penyakit dan hendaklah patuh dengan semua tanggungjawab undang-undang.
4. Dalam keadaan mana-mana kejadian yang menyebabkan tuntutan dibuat di bawah Polisi ini Pengambil Insurans hendaklah secepat mungkin memberi notisnya kepada Syarikat dengan butiran penuh. Setiap saman dan proses writ tuntutan apabila diterima hendaklah dinyatakan atau dihantar kepada Syarikat dengan segera. Notis hendaklah juga diberikan kepada Syarikat dengan segera sekiranya Pengambil Insurans mengetahui sebarang inkues pendakwaan yang akan berlaku atau soal siasat penentuan yang berkaitan dengan mana-mana kejadian tersebut yang sedemikian.
5. Tidak ada perakuan bagi menawarkan janji atau bayaran akan dibuat oleh atau bagi pihak Pengambil Insurans tanpa izin Syarikat yang berhak jika ia mahu mengambil alih dan bertindak untuk tujuan pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan atau untuk mendakwa atas namanya bagi faedahnya sendiri mana-mana tuntutan bagi ganti rugi atau kerosakan atau sebaliknya dan hendaklah mempunyai budi bicara sepenuhnya dalam tindakan mana-mana tindakan undang-undang dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan dan Pengambil Insurans hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan sedemikian seperti yang diperlukan oleh Syarikat.
6. Premium pertama dan semua pembaharuan premium yang diterima akan diselaraskan dengan jumlah upah dan gaji dan, pendapatan lain yang dibayar oleh Pengambil Insurans kepada pekerja pada setiap tempoh insurans. Nama setiap pekerja bersama-sama jumlah upah, gaji dan pendapatan lain hendaklah direkodkan dengan sempurna dan Pengambil Insurans hendaklah pada setiap masa membenarkan Syarikat memeriksa rekod sedemikian dan hendaklah membekalkan Syarikat dengan akaun yang betul tentang upah, gaji dan pendapatan lain yang sedemikian yang dibayar dalam mana-mana tempoh insurans dalam satu bulan daripada tarikh luput tempoh insurans sedemikian. Jika jumlah yang dibayar berbeza daripada jumlah yang dibayar mengikut premium perbezaan dalam premium hendaklah dibayar dengan bayaran yang menurut perkadaran selanjutnya dengan Syarikat atau dengan membayar balik kepada Syarikat mengikut mana yang berkenaan.
7. Syarikat boleh membatalkan Polisi ini dengan menghantar notis empat belas hari melalui surat berdaftar kepada Pengambil Insurans pada alamat terakhirnya yang diketahui dan dalam keadaan sedemikian premium hendaklah diselaraskan dengan Syarat 6.
8. Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak yang mempunyai perbezaan atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbang Tara dengan keputusan dua orang Penimbang Tara, seorang Penimbang Tara hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam satu bulan kalendar selepas diminta secara bertulis untuk melakukannya sama ada oleh mana-mana pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju dengan Wasit yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum membuat rujukan. Wasit hendaklah berbincang dengan Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan membuat Anugerah hendaklah suatu syarat duluan bagi apa-apa hak tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menafikan liabiliti terhadap Pengambil Insurans bagi mana-mana tuntutan di bawah ini dan tuntutan sedemikian hendaklah tidak dalam dua belas bulan kalendar daripada tarikh penafian sedemikian dirujuk kepada penimbangtaraan di bawah peruntukan di dalam ini yang termuat kemudian tuntutan hendaklah untuk tujuan yang dianggap telah dihentikan dan selepas ini tidak boleh didapatkan balik menurut dokumen ini.
9. Pematuhan dan pelaksanaan sewajarnya terma syarat dan endorsmen Polisi ini setakat yang berkait dengan apa sahaja yang hendak dibuat atau yang tidak hendak dibuat oleh Pengambil Insurans dan kebenaran syarat bagi apa-apa liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

**N.B. Untuk perlindungan anda sendiri sila baca polisi ini dan syarat-syaratnya dan jika polisi tidak diisi dengan betul atau mengikut kehendak anda sila pulangkan polisi yang sama ke pejabat untuk pindaan.**

## SALURAN ADUAN DAN RUNGUTAN

Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan terhadap Syarikat mengenai urusan yang tidak adil, Anda boleh menghubungi atau menulis sama ada: -

- a) **Complaints Management Unit**  
**Liberty General Insurance Berhad**  
Liberty Insurance Tower,  
CT9, Pavilion Damansara Heights,  
3 Jalan Damanlela  
Pusat Bandar Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.
- No. Telefon : +603 2268 3333 (General Line) or 1 300 88 8990  
Emel : [customer@libertyinsurance.com.my](mailto:customer@libertyinsurance.com.my)  
Laman Web : [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)
- b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**  
**(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)**  
Level 14, Main Block,  
Menara Takaful Malaysia,  
No 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur  
No. Syarikat: 200401025885  
Talian Am: +603 2272 2811  
Laman web: [www.fmos.org.my](http://www.fmos.org.my)
- c) **BNMLINK**  
**Bank Negara Malaysia**  
4th Floor, Podium Bangunan AICB, No.10, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
e-Link : [bnm.gov.my/BNMLINK](http://bnm.gov.my/BNMLINK)  
Laman Web : [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).